

Headline	THT juara Piala Sumbangsih		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	Sukan	Page No	11
ArticleSize	469 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,198		



THT juara Piala Sumbangsih

LIGA HOKI MALAYSIA

IMPIAN Terengganu Hockey Team (THT) untuk menggenggam Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia 2019 menjadi kenyataan apabila menewaskan pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 3-1 menerusi penentuan pukulan penalti di Padang Hoki Batu Buruk, di sini hari ini.

Kedua-dua pasukan terikat dengan jaringan 2-2 sehingga wisel penamat.

Gol penalti terakhir dijaringkan pemain Mohd Fitri Saari itu akhirnya berjaya memberi kejuaraan pertama kepada THT sejak menyertai liga itu pada 2013.

THT bermula garang dengan ledakan jaringan pembukaan melalui pukulan sudut penalti penyerang kebangsaan Faizal Saari pada minit ketiga hasil hantaran pemain import Korea Selatan, Jun Manjae.

Anak buah kendalian jurulatih I.Vikneswaran turus mengasak kubu lawan dan berhasil mendapat jaringan kedua juga melalui pukulan sudut penalti sumbangsihan pemain berasal Korea Selatan, Jang Jong Hyun pada minit ke-15.

Bagaimanapun, skuad UniKL, yang dibimbing oleh Arul Selvarah, berjaya merapatkan kedudukan melalui pukulan sudut penalti pemain kebangsaan Razie Rahim pada minit ke-30, dan lima minit kemudian Razie menyamakan kedudukan melalui pukulan sudut penalti.

Piala Sumbangsih disampaikan oleh Exco Belia dan Sukan, Wan Sukairi Wan Abdullah. - Bernama



TERENGGANU Hockey Team (THT) meraikan kejayaan memenangi Piala Sumbangsih selepas menewaskan pasukan UniKL menerusi penalti 'shoot out' 3-1 selepas terikat 2-2 pada perlawanan Sumbangsih Liga Hoki Malaysia TNB 2019 di Stadium Hoki Batu Buruk, kelmarin. Foto BERNAMA